

Unit Aneka Haiwan, Seksyen Bukan Ruminan, Bahagian Pembangunan Industri Ternakan

ARNAB PEDAGING



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA,
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62630 PUTRAJAYA



Arnab Pedaging



05 Baka

Apakah Perbezaan Antara Arnab Baka Import Dan Baka Tempatan ?

01 Pengenalan

07 Saiz Ekonomi

Berapakah Saiz Ekonomi Peternakan Arnab Pedaging?

14 Pembiakan

Bagaimanakah Cara Mengahwinkan Arnab ?

03 Sistem Pengeluaran

Bagaimana Menternak Arnab Daging Secara Komersial?

08 Kawalan Penyakit

Apakah Langkah-Langkah Yang Perlu Dilakukan Untuk Mencegah Dari Serangan Penyakit ?

15 Kahwin Selanjutnya

Bilakah Ibu Arnab Yang Telah Beranak Boleh Dikahwinkan Semula ?

04 Baka

Apakah Baka Arnab Yang Sesuai Diternak Untuk Pengeluaran Daging Secara Komersial ?

09 Pengurusan Nutrisi Dan Makanan Arnab

Jumlah Kandungan Nutrisi Yang Diperlukan Arnab

16 Tempoh Bunting

Berapakah Lama Tempoh Arnab Induk Bunting Dan Apakah Tanda- Tandanya?

17 Anak Arnab

Masa Menyusu

19 Cerai Susu

Bilakah Umur Anak-Anak Arnab Perlu Dicerai Susu ?

20 Penentuan Jantina

Bagaimana Menentukan Jantina Arnab Yang Masih Diperingkat Anak ?

22 Khidmat Nasihat

Dimanakah Boleh Saya Mendapatkan Maklumat Lanjut Berkenaan Penternakan Arnab Secara Komersial ?



Nama Umum
Arnab

Nama Saintifik
Oryctolagus Cuniculus

Pengeluaran
Daging



Baka Yang Biasa Diternak Di Malaysia

New Zealand White,
California, & Baka Campuran

Pengenalan

Penternakan arnab adalah satu bidang yang masih luas untuk diterokai dan mempunyai potensi yang besar jika diusahakan. Potensi utama industri arnab adalah mewujudkan suatu agro binas dapat dilihat dari kemampuannya untuk berkembang biak samada diusahakan secara kecil-kecilan mahupun secara komersial.

Biologi arnab seperti bersaiz kecil, prolifik dan cepat berkembang biak, diet pracampuran, dan dapat menyesuaikan diri dengan baik kepada pelbagai persekitaran menjadi kelebihan kepada haiwan ini.

Di Malaysia, penternakan arnab khususnya arnab pedaging dikatakan ma-

sih kurang diusahakan tidak seperti penternakan ayam daging, kambing dan haiwan ternakan lain.

Hal ini disebabkan persepsi masyarakat bahawa haiwan seperti arnab merupakan haiwan kesayangan kerana fizikalnya yang comel seperti kucing sehingga mereka tidak sanggup menjadikannya sebagai sumber protin yang berkhasiat.

Sungguhpun begitu, sejak akhir 2016, ketika penggunaan media sosial semakin meluas, ramai yang mula menyedari tentang kelazatan serta kehebatan daging haiwan tersebut sekali gus permintaan terhadapnya juga meningkat saban tahun.

Ini dilihat sebagai satu peluang yang besar bagi penternak arnab pedaging mengkomersialkan industri ini bagi memelopori pasaran tempatan selain diekspot.





Sistem Pengeluaran

Bagaimana Menternak Arnab Daging Secara Komersial?

Peternakan arnab daging secara komersial hendaklah meliputi dua bahagian utama yang saling berkaitan tetapi dalam sistem pengurusan yang sedikit berbeza.

Peternakan untuk pembiakan baka adalah untuk menghasilkan baka-baka mengikut jurusan tertentu, dalam hal ini adalah jurusan pedaging, dan kumpulan ini dipanggil stok induk.

Dari stok induk ini pula melalui program pembiakan yang ditetapkan akan menghasilkan pula stok induk tuai.



Bouscat Giant White



Kumpulan stok induk tuai tadi dengan melalui program pembiakan akan menghasilkan pula anak-anak. Semua anak-anak ini akan digemukkan dalam masa 2-3 bulan untuk mendapatkan dagingnya.

Peternakan arnab selain untuk pengeluaran daging juga digunakan untuk pengeluaran fur (kulit bersama bulunya) dan wool (bulu).

Bagaimanapun cara pengurusan adalah berlainan sedikit berbanding jurusan pedaging.

Baka

Apakah Baka Arnab Yang Sesuai Diternak Untuk Pengeluaran Daging Secara Komersial ?



Baka arnab boleh dikelaskan mengikut saiz badan samada besar, sederhana atau kecil.

Saiz Besar

Baka seperti Bouscat Giant White, French Lop, Flemish Giant dan French Papillon Giant mempunyai berat badan dewasa melebihi 5 kg. Baka ini banyak dipelihara di Eropah.

Saiz Sederhana

Baka yang popular dipelihara oleh penternak adalah baka saiz sederhana besar dengan berat 3 -4.5kg. Antara baka dalam kategori ini termasuklah Californian White, New Zealand White, Grand Chinchilla, Burgandy Fawn, English Silver dan German Silver.

Saiz Kecil

Baka kategori ini mempunyai berat badan antara 2.5-3.0kg. Kos saraan baka saiz ini biasanya lebih rendah berbanding baka saiz besar dan sederhana. Baka saiz kecil ini sesuai diternak untuk penghasilan karkas arnab seberat 1.0-1.5kg. Selain itu, terdapat juga jenis yang diternak sebagai haiwan hiasan seperti baka Butterfly dan Hotot.

Walaupun bagaimanapun, bagi penternakan arnab pedaging di Malaysia, dua baka berikut merupakan baka yang sering digunakan bagi pengeluaran daging dalam kalangan penternak tempatan.

Baka tersebut juga boleh di beli melalui penternak-penternak tempatan yang menjalankan pembiakbakaan.

1. New Zealand White
2. Californian





Baka

Apakah Perbezaan Antara Arnab Baka Import Dan Baka Tempatan ?

Pemilihan baka pedaging biasanya diimport di atas adalah kerana berapa ciri pedaging yang ada pada arnab import lebih ketara berbanding pada arnab tempatan, seperti:

1. Purata bilangan anak peranakan 7-9 ekor
2. Purata bilangan anak masa cerai susu 6-8 ekor
3. Berat akhir boleh dicapai pada masa umur 2 bulan
4. Berat dalam masa dua bulan adalah lebih kurang 2 kg
5. Pusat jualan baka

Arnab tempatan mempunyai berbagai warna yang bertompok seluruh badan.

Keistimewaan arnab tempatan ini adalah mempunyai lebih ketahanan terhadap serangan penyakit tetapi kadar tumbesarannya agak lambat. Untuk permulaan boleh juga menggunakan arnab tempatan.

Tetapi untuk pengeluaran komersial adalah digalakkan menggunakan baka pedaging.



Di Manakah Baka-Baka Arnab Boleh Didapati Dan Berapakah Harganya?

Baka arnab jurusan pedaging ini adalah baka-baka arnab yang boleh dimport dari negara-negara seperti United Kingdom, German Barat, Itali dan Perancis.

Namun begitu, terdapat juga beberapa ladang di negara kita yang telah menjual baka-baka ini, dan harganya adalah lebih murah berbanding dengan import secara terus.

Oleh yang demikian, bagi penternak yang baru menceburkan diri, dicadangkan untuk mendapatkan baka arnab pedaging melalui penternak-penternak tempatan sedia ada.





Saiz Ekonomi

Berapakah Saiz Ekonomi Pernakan Arnab Pedaging?


PERMULAAN



SAMPINGAN



SEPENUH MASA



1. Untuk hobi atau permulaan boleh menggunakan satu set iaitu satu pejantan (arnab jantan dewasa) dan 5 ekor induk (arnab betina dewasa)
2. Untuk secara sampingan pula boleh mulakan secara sederhana besar iaitu 50 induk dan 10 pejantan.
3. Untuk pengeluaran secara penuh masa bolehlah memulakan 500 induk dan 100 pejantan.



Apakah Ciri-Ciri Pemilihan Kawasan Yang Baik Untuk Menternak Arnab Pedaging ?

Beberapa ciri yang boleh dijadikan garis panduan dalam pemilihan sesuatu kawasan untuk menternak arnab seperti dibawah:

1. Berhampiran dengan pusat jualan dan pemprosesan.
2. Jauh dari kawasan industri, perbandaran, perumahan dan aktiviti ternakan/ ternakan lain.
3. Mempunyai kemudahan infrastruktur seperti jalan, bekalan elektrik, dan sumber air yang bersih.
4. Peredaran udara yang baik dan memuaskan.
5. Dataran tanah membolehkan kedudukan panjang bangsal dibina secara selari dengan arah terbit/terbenam matahari



Kawalan Penyakit

Apakah Langkah-Langkah Yang Perlu Dilakukan Untuk Mencegah Dari Serangan Penyakit ?

Untuk panduan umum, langkah-langkah kawalan penyakit yang minimum adalah seperti berikut:

1. Sekitar kawasan hendaklah bersih
2. Hadkan pegerakan pekerja dan kurangkan pelawat masuk
3. Langkah kebersihan hendaklah diamalkan semasa menyentuh setiap arnab

Apakah Kepentingan Menyimpan Rekod Dalam Penternakan Arnab ?

Kepentingan menyimpan rekod adalah untuk:

1. Mengetahui jumlah ternakan arnab mengikut peringkat umur, jantina dan baka
2. Untuk mengetahui prestasi setiap ekor terutama dalam pemilihan anak untuk dijadikan baka
3. Untuk memudahkan program pembiakan
4. Memudahkan kerja harian seperti menguruskan (mengendalikan) arnab yang bunting, beranak dan menjalankan proses cerai susu



4. Lakukan rawatan seberapa yang boleh. Kalau tidak berjaya bolehlah ditakal (terutama kalau bilangan arnab banyak) dan cara ini telah diamalkan dikebanyakan negara lain
5. Tanamkan arnab yang mati dalam lubang yang jauh dari reban/kandang jika tidak/selepas post mortem dijalankan
6. Dapatkan stok arnab dari ladang arnab yang mempunyai mutu kesihatan yang tinggi dan tiada gejala penyakit
7. Jika berlaku kematian yang mengejut dan melibatkan bilangan arnab yang banyak, lapor dengan segera kepada Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang berhampiran
8. Menyimpan rekod yang berkaitan



Pengurusan Nutrisi Dan Makanan Arnab

Jumlah Kandungan Nutrisi Yang Diperlukan Arnab

Arnab perlu mempunyai diet seimbang. Dengan nutrisi yang mencukupi, arnab yang diternak akan membesar dengan cepat. Walau bagaimanapun, kelebihan atau kekurangan sesuatu nutrisi dalam makanan akan menimbulkan kemudaratan.

Misalnya, pemberian makanan dengan kandungan Vitamin A yang tinggi akan mengakibatkan keguguran. Justeru, amat penting untuk memberi perhatian kepada kandungan jenis makanan yang hendak diberikan kepada arnab. Beberapa perkara yang perlu diberi perhatian khusus; peratusan protein, serat dan lemak.

		Growth	Maintenance	Gestation	Lactation	Does & Litter Fed One Diet
Digestible Energy (kcal/kg)	NRC (1977)	2,500	2,100	2,500	2,500	--
	F.Lebas (1980)	2,500	2,200	2,500	2,700	2,500
Crude Fibre (%)	NRC (1977)	10-12	14	10-12	10-12	--
	F.Lebas (1980)	14	15-16	14	12	14
Crude Fat (%)	NRC (1977)	2	2	2	2	2
	F.Lebas (1980)	3	3	3	5	3
Crude protein (%)	NRC (1977)	16	12	15	17	--
	F.Lebas (1980)	15	13	18	18	17
Calcium (%)	NRC (1977)	0.40	--	0.45	0.75	--
	F.Lebas (1980)	0.50	0.60	0.80	1.10	1.10
Phosphorus (%)	NRC (1977)	0.22	--	0.37	0.50	--
	F.Lebas (1980)	0.30	0.40	0.50	0.80	0.80
Sodium (%)	NRC (1977)	0.20	0.20	0.20	0.20	--
	F.Lebas (1980)	0.40	--	0.40	0.40	0.40
Magnesium (%)	NRC (1977)	0.03	0.03	0.04	0.04	--
	F.Lebas (1980)	0.03	--	0.04	0.04	0.04
Potassium (%)	NRC (1977)	0.60	0.60	0.60	0.60	--
	F.Lebas (1980)	0.80	--	0.90	0.90	0.90
Copper (mg/kg)	NRC (1977)	3	3	3	3	--
	F.Lebas (1980)	5	--	--	5	5
Managanese (mg/kg)	NRC (1977)	8.5	2.5	2.5	2.5	--
	F.Lebas (1980)	8.5	2.5	2.5	2.5	8.5
Iron (mg/kg)	NRC (1977)	--	--	--	--	--
	F.Lebas (1980)	50	50	50	50	50
Zinc (mg/kg)	NRC (1977)	--	--	--	--	--
	F.Lebas (1980)	50	--	70	70	70
Vitamin A (IU/kg)	NRC (1977)	580	--	>1,160	--	--
	F.Lebas (1980)	6,000	--	12,000	12,000	10,000
Vitamin D (IU/kg)	NRC (1977)	--	--	--	--	--
	F.Lebas (1980)	900	--	900	900	900
Vitamin E (IU/kg)	NRC (1977)	40	--	40	40	--
	F.Lebas (1980)	50	50	50	50	50

Jadual 1: Keperluan Nutrisi Arnab mengikut NRC Nutrient Requirements of Rabbits (1977) and F. Lebas (1980) (Cheeke et al., 1987)



Adakah Daun-Daun Boleh Diberi Kepada Arnab Pedaging ?

Pemberian bahan hijau ini hendaklah diingati sebagai makanan tambahan sahaja.

Jumlah yang patut diberi adalah mengikut jumlah yang boleh dimakan oleh arnab itu.

Bahan-bahan hijau yang boleh digunakan seperti daun keledak dan daun kangkung.

Lebih kegunaan dapur juga boleh dimanfaatkan seperti daun kobis, sawi dan kacang panjang.

Satu perkara yang perlu diambil perhatian dalam pemberian bahan hijau ini ialah kebersihan dan kandungan air pada bahan hijau tersebut.

Untuk ini daun-daun tersebut hendaklah dibasuh dulu beberapa kali dan kemudian dikeringkan pada panas matahari selama 2-3 jam. Kemudiannya bolehlah diberikan kepada amab. Lebihan sisa-sisa bahan hijau pada keesokkan harinya hendaklah dibuang, dan jangan digunakan lagi.

Makanan utama iaitu makanan pelet arnab hendaklah diberikan dan boleh didapati di kedai jualan makanan ternakan.

Rumput Pennisetum purpureum (Napier), MARDI digit, dan Panicum maximum (Guinea) ialah

Bahan	Bahan Kering (%)	Kandungan (% Bahan Kering)			Abu
		Protein	Serabut	Lemak	
Daun Nangka	36.6	14.0	22.1	3.9	11.5
Daun Buluh	45.3	17.4	27.8	0.2	10.9
Daun Kelapa Sawit (Tanpa Lidi)	39.8	12.7	41.4	4.3	8.6
Daun Mulberi	38.3	17.6	11.5	7.4	0.13
Rumput Guinea	23.0	14.3	27.4	0.9	12.2
Rumput Napier	17.1	11.7	30.1	1.2	8.8
Rumput Nyonya (Asystasia)	16.4	14.8	43.9**	-	13.5
Rumput Pangola	21.1	14.1	35.3	1.8	6.9
Borreria Latifolia	9.2	16.2	16.3	5.0	13.0
Kangkong	7.5	28.0	12.0	2.7	18.7
Bunga Seri Pagi (Ipomoea Calrica)	16.5	25.2	20.5	2.4	8.4
Keledak	12.6	16.1	17.1	3.4	9.5
Centrocema Pubescens	24.3	22.2	30.9	2.5	9.5
Lucerne	92.0	17.9	27.4	2.9	11.1
Stylosanthes	24.0	16.7	31.7	1.7	10.0
Kacang Tanah		9.9	13.8	6.6	10.4
Daun & Batang **ADF					

Jadual 2: Kandungan Nutrien Dalam Tanaman Hijau Yang Boleh Dimakan Oleh Arnab

sumber protein dan serabut kasar kepada arnab.

Walaupun bagaimanapun, hanya rumput berkualiti tinggi yang di sarankan untuk diberi kepada arnab.

Biasanya rumput muda mengandungi nutrien yang lebih tinggi daripada rumput tua.

Daun pokok mulberi juga mempunyai kandungan protein yang agak tinggi dan sesuai ditanam berhampiran kawasan penternakan dan diberi kepada arnab secara sistem potong dan angkut (cut and carry).



Pengurusan Nutrisi Dan Makanan Arnab

Dimanakah Makanan Pelet Arnab Boleh Dibeli ?

Makanan ini boleh dibeli di kedai-kedai makanan ternakan arnab dan dikeluarkan dalam beberapa jenama. Makanan ini berbentuk pelet atau untilan yang keras, yang mempunyai saiz garispusat 4 mm dan panjang 2-3 sm.

Makanan arnab ini kebiasaannya dalam beg-beg dan berat setiap beg mengandungi 50 kg pelet bergantung kepada pengeluar makanan tersebut.

Makanan ini mengandungi segala zat-zat untuk pertumbuhan badan arnab sekurang-kurangnya pada kadar kuantiti yang minimum.

Disamping itu makanan ini boleh disimpan untuk jangka masa yang lebih lama dalam stor dan boleh digunakan apabila dikehendaki.

Penternak arnab di Malaysia menggunakan pelet komersil sebagai makanan utama ternakan.

Bekalan makanan (pellet) arnab biasanya didapati dengan harga antara RM45 – RM55/ bag (25kg).





Adakah Terdapat Masalah Dalam Penggunaan Makanan Pelet Ini ?

Masalah dalam penggunaan makanan ini adalah mutunya tidak tetap.

Juga banyak utilan yang mudah pecah dan lebih banyak berdebu.

Kerapkali kandungan zat-zat tidak tetap dalam setiap beg makanan yang dibeli.

Kerap kali, apabila berlaku masalah ini, penternak menukar makanan arnab kepada jenama lain.

Perbuatan ini adalah tidak digalakkan, kerana akan memberi masalah yang lebih besar kepada arnab seperti kembung dan boleh mengakibatkan kematian.



Kalau perlu membuat penukaran makanan (atau memberi makanan yang baru dibeli walaupun dari jenama yang sama), lakukan percampuran makanan baru dengan makanan yang sedia ada secara perlahan-lahan dalam masa 1 minggu.

Jangan lakukan pertukaran secara mendadak atau sekaligus.





Pembiakan

Bagaimanakah Cara Mengahwinkan Arnab ?

Sebenarnya cara mengahwinkan Arnab adalah mudah dan ringkas. Masukkan arnab betina dalam sangkar arnab jantan.

Jangan lakukan sebaliknya, kerana arnab betina mempunyai "territorial behaviour" yang kuat dan akan menyerang serta mungkin akan membunuh arnab jantan tersebut.

Masa mengawan antara 1-5 minit sahaja.

Kemudian ambil semula arnab betina dan kembalikan dalam sangkarnya.

Jangan tinggalkan arnab betina dalam sangkar arnab jantan tersebut lebih dari tempoh tadi.

Lakukan waktu proses mengawan arnab ini dalam keadaan cuaca yang selesa seperti awal pagi atau lewat petang. Elakkan proses mengawan di waktu tengahari kerana suhu yang tinggi akan mengurangkan kadar kesuburan.



Kekerapan Mengawan

Arnab jantan dewasa yang subur hanya boleh digunakan sekali dalam masa 3 hari ataupun 3 kali seminggu.

Ada juga yang mengesyorkan penggunaan 2 kali sehari dan kemudian direhatkan selama 3 hari.

Penggunaan pejantan boleh ditingkatkan secara perlahan kepada sekali sehari.

Penggunaan arnab jantan yang berlebihan akan mengurangkan kadar kebernasan dan kesuburan.

Menggunakan seseekor pejantan yang terlalu kerap boleh menjejaskan keupayaan seksual arnab pejantan tersebut.

Kahwin Selanjutnya

BILAKAH IBU ARNAB YANG TELAH BERANAK BOLEH DIKAHWINKAN SEMULA ?

Pada keadaan semulajadi (di hutan) arnab betina akan mengawan semula dalam masa 24-48 jam selepas beranak.

Kadaan ini tidak digalakkan dalam penternakan arnab komersial, kerana arnab betina tidak boleh digunakan lebih lama.

Dalam penternakan arnab komersial arnab betina akan dikahwinkan semula dalam tempoh antara 3-4 minggu selepas tempoh beranak.

Ataupun dalam masa proses anak cerai susu, arnab betina tersebut boleh dikahwinkan semula.



Bagaimanakah Memastikan Proses Kahwin Telah Berlaku Dengan Sempurna ?

Untuk memastikan arnab tersebut sudah mengawan ialah apabila arnab jantan memanjat arnab betina untuk seketika dan kemudian arnab jantan akan menurunkan badannya seperti keadaan mengelunscr ke belakang atau terlentang.

Untuk memastikan kebernasan, proses mengawan yang pertama pada jam 8-10 pagi dan yang kedua boleh dilakukan 5-6 jam selepas proses mengawan yang pertama, iaitu pada waktu petang.





Tempoh Bunting

Berapakah Lama Tempoh Arnab Induk Bunting Dan Apakah Tanda- Tandanya?

Tempoh bunting arnab betina antara 29 hingga 31 hari lagi.

Bunting berat adalah pada minggu keempat kebuntingan.

Pada peringkat ini kotak sarang beranak bolehlah diletakkan dalam sangkar arnab tersebut.

Tujuannya adalah supaya arnab tersebut dapat menyesuaikan dirinya lebih awal dengan kotak sarang tersebut.

Tanda-tanda arnab tersebut hampir beranak jelas kelihatan pada hari ke 27-29 dimana ia akan berkeadaan gelisah dan kemudian akan mencabut bulu dari bahagian bawah perutnya

serta membuat sarang beranak dari bulu tersebut.

Pada keadaan ini arnab tersebut hendaklah dibiarkan bersendirian dan jangan diganggu, melainkan jika untuk menukarkan kotak sarang.

Makanan dan minuman hendaklah disediakan secukupnya.

Bunting Palsu

Terdapat juga kejadian apa yang dipanggil "bunting palsu", keadaan ini boleh dikesan pada masa kebuntingan hari ke 12 -17, pada masa itu arnab telah menunjukkan tanda- tanda hendak beranak dengan cuba membuat sarang dari bulu yang dicabut.

Jika keadaan ini dikesan, arnab betina tersebut hendaklah dikahwinkan semula.





Anak Arnab

Setelah arnab betina tersebut beranak, pastikan anak-anak arnab berada dalam kotak sarang.

Jika terdapat anak arnab berada diluar kotak sarang, masukan dalam kotak sarang supaya tidak kesejukan.

Apabila sudah memegang salah satu dari anak-anak arnab, tangan yang sama hendaklah disapukan untuk seketika pada hidung ibunya, ini untuk mengelakkan ibu tersebut menyingkirkan atau membunuh anaknya kerana terdapat bau lain pada badan anaknya. Anak arnab yang baru lahir berkeadaan bogel (tidak mempunyai bulu), buta dan pekak.

Bulu akan mula tumbuh pada umur seminggu.

Sementara mata dan telinga akan berfungsi pada hari ke 7 hingga ke 10.

Pada masa ini makanan utama ialah susu dari ibunya.

Sehinggalah pada umur umur 14- 16 hari anak arnab akan keluar dari kotak sarang dan mula cuba makan makanan ibunya.



MASA MENYUSU ANAK

Ibu arnab akan menyusukan anaknya pada waktu malam.

Biasanya sebanyak sekalidan paling kerap sebanyak dua kali sahaja.

Yang paling penting dalam pemberian susu ini ialah susu awalan.

Oleh kerana pemberian susu hanya sekali atau dua kali, ini sudah tentu tidak mencukupi terutama disiang hari.

Setiap kali ibu arnab masuk kedalam kotak sarang, anaknya akan cuba menyusui tetapi biasanya ibu arnab tersebut tidak akan memberi susu. Keadaan ini adalah normal dan tidak perlu dibimbangkan.



Apakah Yang Perlu Di Lakukan Sekiranya Bilangan Anak Melebihi Dari Bilangan Puting Susu Ibunya ?

Sekiranya bilangan anak melebihi bilangan puting susu ini sudah tentu menimbulkan masalah.

Bilangan puting susu biasanya lapan. Oleh itu anak yang lebih perlu diberi kepada ibu angkat.

Pemilihan ibu angkat ialah dengan memilih ibu amab yang telah beranak dalam masa 48 jam dalam masa anak arnab itu lahir.

Anak arnab yang diletakkan pada ibu angkat perlu ditandakan dengan warna pada bahagian kepala.

Kemudian sapukan apa-apa wangi-wangian kepada ibu dan semua

anak termasuk anak amab tersebut yang berada dalam kotak sarang yang sama.

Wangian tersebut akan menutup perbezaan bau antara anak betul dan anak angkat.

Susu awalan ini hanya pada tiga hari yang pertama dan mengandungi antibodi untuk ketahanan badan anak. Oleh itu pastikan anak arnab mendapat susu awalan tersebut.

Susu selepas tempoh tersebut adalah susu biasa.

Kemudian pemberian susu tersebut boleh diteruskan sehingga 2-4 minggu.



Cerai Susu



Bilakah Umur Anak-Anak Arnab Perlu Dicerai Susu ?

Anak arnab boleh dibiarkan dalam sangkar ibunya dari umur sehari hingga mencapai peringkat cerai susu. Umur cerai susu ialah umur anak arnab dipisahkan terus dari ibunya. Biasanya apabila anak-anak amab berumur 1 bulan.

Selepas itu anak arnab boleh dibuat pemilihan iaitu sama ada untuk dijadikan baka atau untuk tujuan pengemukan. Pemilihan untuk dijadikan baka hendaklah berdasarkan kepada rekod prestasi yang dicatat dari masa ke semasa.


Setiap arnab yang dipilih hendaklah dilekatkan tag telinga sebagai tanda pengenalan individu.

Anak-anak arnab ini hendaklah disimpan dalam sangkar individu ataupun 2 ekor dalam satu sangkar.

Setelah dibuat pemilihan untuk baka,

baki anak-anak arnab yang tidak dipilih akan dijadikan untuk pengemukan (pengeluaran daging).


Anak-anak arnab ini boleh disimpan dalam sangkar secara kumpulan selama 30-45 hari lagi.



Penentuan Jantina

Bagaimana Menentukan Jantina Arnab Yang Masih Diperingkat Anak ?

Penentuan jantina boleh dilakukan dengan menekan secara perlahan bahagian lubang di atas dubur. Anak jantan akan menunjukkan tanda bonjolan yang membulat. Sementara anak arnab betina akan menunjukkan tanda belahan mengarah kedubur.



Dari kulit arnab pedaging tersebut juga boleh dibuat:

1. Glu (gam)
2. Baja (baja kompos)

Hasil Sampingan

Kulit Dari Arnab Pedaging Sesuai Untuk Digunakan Untuk Apa ?

Kulit yang bermutu datangnnya dari arnab yang berumur 5-6 bulan keatas dan diperolehi dari baka-baka jurusan pengeluaran fur (seperti Flemish Giant). Sementara kulit dari arnab pedaging berumur antara 2-3 bulan sahaja. Kulit adalah hasil sampingan dalam peternakan arnab pedaging (seperti New Zealand White).

Bagaimanakah Cara Yang Mudah Saya Boleh Menternak Arnab ?

Menternak arnab adalah mudah dan boleh dilakukan oleh ahli keluarga yang lemah seperti suri-suri rumah dan anak-anak.

Peternakan arnab boleh juga dilakukan secara sambilan atau sepenuh masa.

Disamping membekal keperluan protein kepada keluarga dan negara, ia boleh menjadi sumber pendapatan sampingan kepada aktiviti utama sesebuah keluarga. Sebelum menternak secara komersial elok mulakan secara kecilan dulu. Kemudian apabila sudah mempunyai keupayaan, kemahiran dan pengalaman bolehlah memikirkan untuk menjalankannya secara komersial dengan cara besarkan perlahan-lahan.

Pada permulaan adalah dinasihatkan menggunakan baka kacukan tempatan yang lebih murah berbanding menggunakan arnab import dan arnab kacukan tempatan lebih mudah dibeli.

Setelah itu bolehlah menggunakan arnab baka pedaging yang diimport.



Untuk memulakan secara kecilan anda perlu sediakan/dapatkan beberapa perkara yang di bawah ini

1. Buah sangkar dawai BRC (10-14 gauge) berukuran 2 ka x 3 ka x 1.5 ka setiap sangkar. Setiap sangkar untuk menempatkan seekor arnab baka
2. Reban kecil untuk memuatkan sangkar di dalamnya berukuran lebih kurang 4 ka x 22 ka x 6 ka. Sangkar dimasukkan dalam reban ini. Bumbung hendaklah dipasang bersama
3. Sumber air minuman yang bersih dan segar
Sumber makanan yang berzat, bersih dan segar
4. 5 buah kotak sarang plastik, 6 buah bekas makanan tembikar dan 6 buah bekas minuman
5. 1 set arnab dewasa berumur 3-5 bulan iaitu 1 ekor jantan dan 5 ekor betina



Khidmat Nasihat

Dimanakah Boleh Saya Mendapatkan Maklumat Lanjut Berkenaan Penternakan Arnab Secara Komersial ?

Anda boleh menghubungi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Negeri) melalui capaian direktori DVS Negeri di Laman Web Rasmi Jabatan Perkhidmatan Veterinar



www.dvs.gov.my

Atau, menghubungi terus ke Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar seperti alamat di bawah:

JABATAN PERKHIDMATAN
VETERINAR MALAYSIA,
WISMA TANI, BLOK PODIUM,
LOT 4G1, PRESINT 4 PUSAT
PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN 62630
PUTRAJAYA



pro@dvs.gov.my



(603) 8870 2000



(603) 8888 6021

